

**MEDIA : Utusan Malaysia**

**TITLE : Scomi Engineering optimis projek di Turki**

**COMPANY : Scomi Engineering Bhd**

**DATE : 7 March 2016**

# Scomi Engineering optimis projek di Turki

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**  
ekonomi@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 6 MAC**

**S**COMI Engineering Berhad (Scomi Engineering) yang mencipta kejayaan dalam pembangunan projek monorel di Mumbai, India dua tahun lalu mahu mengintai lebih banyak projek di dalam dan luar negara tahun ini.

Sayap pengangkutan kepada Scomi Group Bhd. itu membangunkan fasa pertama Mumbai Monorail bagi penjaran dari Wadala ke Chembur sepanjang 8.9 kilometer yang beroperasi pada 2 Februari 2014 dengan enam kereta dan empat gerabak.

Selain India, Scomi Engineering kini terlibat dengan tiga pembangunan projek monorel di Sao Paulo dan Manaus, Brazil. Sao Paolo

**Setakat ini, kami optimis dengan projek di Turki yang menunjukkan tanda-tanda positif."**

**ROHAIDA ALI BADARUDDIN**  
Ketua Pegawai Eksekutif Scomi Engineering

Metro turut meminta Scomi Engineering meneruskan pembangunan projek landasan pantas yang dianggarkan memiliki nilai kontrak bernilai AS\$300 juta (RM1.27 bilion).

Dalam masa sama, syarikat juga masih aktif di peringkat pembidaan bagi projek monorel di Turki, Thailand, Sri Lanka dan Indonesia.

"Kita sebenarnya berharap untuk mendapatkan satu lagi projek baharu tahun ini kerana proses pembidaan memakan masa yang lama.

"Setakat ini, kami optimis dengan projek di Turki yang menunjukkan

tanda-tanda positif terutama banyak peluang di bawah projek Line 7 dan 8 manakala Sri Lanka pula, kita masih di peringkat pembidaan," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Scomi Engineering, Rohaida Ali Badaruddin (gambar) yang dilantik ke jawatan tersebut berkuat kuasa 1 Mac lalu.

Rohaida sebelum ini merupakan Presiden Scomi Engineering dan banyak memberi tumpuan kepada aspek teknikal terutama melibatkan pembuatan monorel.

Maka, tidak hairanlah dalam temu bual dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini, beliau banyak menyentuh tentang aspek tersebut termasuk beberapa perancangannya untuk meningkatkan mutu dan kualiti produk yang dikeluarkan Scomi Engineering pada masa depan.

Namun, katanya, perkara itu akan diumumkan kemudian selepas segala perancangan dilaksanakan sepenuhnya.

Scomi Engineering kini mempunyai tender dalam tangan bernilai RM24.6 bilion manakala tempahan tender berjumlah RM1.32 bilion.

Menyentuh tentang peluang syarikat di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), beliau berkata, perjanjian itu menjadikan penyertaan syarikat di peringkat antarabangsa lebih kompetitif.

"Saya tidak melihat perjanjian ini akan menyekat peluang Scomi Engineering untuk berkembang dalam pasaran lebih luas kerana ia menjadikan produk syarikat lebih menarik.


Kini terlibat tiga pembangunan projek monorel di Sao Paulo dan Manaus, Brazil

Tender dalam tangan  
**RM24.6b**  
tempahan tender  
**RM1.32b**

"Malah, dalam industri monorel juga, hanya melibatkan tiga pemain utama iaitu Scomi Engineering, Bombardier dan Hitachi," katanya yang melihat TPPA akan memberi manfaat kepada negara.

Sao Paolo Metro meminta Scomi Engineering teruskan projek landasan pantas, nilai kontrak  
**AS\$300 juta (RM1.27 bilion)**

TPPA jadikan penyertaan syarikat di peringkat antarabangsa lebih kompetitif



Scomi Engineering intai lebih banyak projek di dalam dan luar negara

Aktif bida projek monorel di Turki, Thailand, Sri Lanka dan Indonesia



## MEDIA COVERAGE

**MEDIA : Utusan Malaysia Online**

**TITLE : Scomi Engineering optimis projek di Turki**

**COMPANY : Scomi Engineering Bhd**

**DATE : 7 March 2016**

KUALA LUMPUR 6 Mac - Scomi Engineering Berhad (Scomi Engineering) yang mencipta kejayaan dalam pembangunan projek monorel di Mumbai, India dua tahun lalu mahu mengintai lebih banyak projek di dalam dan luar negara tahun ini.

Sayap pengangkutan kepada Scomi Group Bhd. itu membangunkan fasa pertama Mumbai Monorail bagi penjajaran dari Wadala ke Chembur sepanjang 8.9 kilometer yang beroperasi pada 2 Februari 2014 dengan enam kereta dan empat gerabak.

Selain India, Scomi Engineering kini terlibat dengan tiga pembangunan projek monorel di Sao Paulo dan Manaus, Brazil. Sao Paulo Metro turut meminta Scomi Engineering meneruskan pembangunan projek landasan pantas yang dianggarkan memiliki nilai kontrak bernilai AS\$300 juta (RM1.27 bilion).

Dalam masa sama, syarikat juga masih aktif di peringkat pembidaan bagi projek monorel di Turki, Thailand, Sri Lanka dan Indonesia.

"Kita sebenarnya berharap untuk mendapatkan satu lagi projek baharu tahun ini kerana proses pembidaan memakan masa yang lama.

"Setakat ini, kami optimis dengan projek di Turki yang menunjukkan tanda-tanda positif terutama banyak peluang di bawah projek Line 7 dan 8 manakala Sri Lanka pula, kita masih di peringkat pembidaan," ujar Ketua Pegawai Eksekutif Scomi Engineering, Rohaida Ali Badaruddin (**gambar**) yang dilantik ke jawatan tersebut berkuat kuasa 1 Mac lalu.

Rohaida sebelum ini merupakan Presiden Scomi Engineering dan banyak memberi tumpuan kepada aspek teknikal terutama melibatkan pembuatan monorel.

Maka, tidak hairanlah dalam temu bual dengan Utusan Malaysia baru-baru ini, beliau banyak menyentuh tentang aspek tersebut termasuk beberapa perancangannya untuk meningkatkan mutu dan kualiti produk yang dikeluarkan Scomi Engineering pada masa depan.

Namun, katanya, perkara itu akan diumumkan kemudian selepas segala perancangan dilaksanakan sepenuhnya.

Scomi Engineering kini mempunyai tender dalam tangan bernilai RM24.6 bilion manakala tempahan tender berjumlah RM1.32 bilion.

Menyentuh tentang peluang syarikat di bawah Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), beliau berkata, perjanjian itu menjadikan penyertaan syarikat di peringkat antarabangsa lebih kompetitif.

"Saya tidak melihat perjanjian ini akan menyekat peluang Scomi Engineering untuk berkembang dalam pasaran lebih luas kerana ia menjadikan produk syarikat lebih menarik.

"Malah, dalam industri monorel juga, hanya melibatkan tiga pemain utama iaitu Scomi Engineering, Bombardier dan Hitachi," katanya yang melihat TPPA akan memberi manfaat kepada negara.